

# 50 Orang Murid diraikan Pada Majlis Konvokesyen Prasekolah Peringkat SK Patau-Patau



**Labuan** – Seramai 50 orang murid prasekolah diraikan pada majlis Konvokesyen Prasekolah Peringkat Sekolah Kebangsaan Patau-Patau yang diadakan di salah sebuah hotel di pulau ini, ahad lepas. Majlis gilang-gemilang itu dirasmikan Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Puan Maimoon binti Haji Matnoh mewakili Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Berucap merasmikan majlis tersebut, Puan Maimoon berkata program seumpama ini mampu menjadi asas untuk menjana modal insan yang berkualiti, berahlak mulia, kreatif, inovatif, dan berdaya saing. Menurutnya, ia sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segenap aspek.

Pada majlis tersebut, adik Nur Zureen Zulaiqha binti Adzmy dari Prasekolah Cerdik dan Nur Syamimi Balqis binti M.Fakrorozi dari Prasekolah Pintar dinobatkan sebagai Murid Prasekolah Cemerlang Tahun 2017. Anugerah disampaikan Ketua Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Prasekolah Jabatan Pendidikan Labuan, Puan Diah binti Md. Yussof

Sempena majlis itu, turut diadakan penyampaian Sijil Tahun 6 kepada 43 orang murid Tahun 6 yang bakal menamatkan sesi persekolahan di SK. Patau-Patau tahun ini.



Puan Diah menyampaikan hadiah kepada murid prasekolah SK Patau-Patau

Hadir sama pada majlis ini, Guru Besar SK. Patau-Patau, Encik Abd. Rahman bin Salim, Yang Di Pertua PIBG SK Patau-Patau, Encik Nizam bin Yasin, Pengerusi Waris Prasekolah, Mariani binti Alidin, guru-guru, Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) serta ibu bapa murid.